

## MExUnity platform pemangkin penyatupaduan

**SHAH ALAM** - Majlis Mesyuarat Perpaduan Negara (MExUnity) merupakan platform antara Kementerian Perpaduan Negara dan kerajaan negeri bagi membincangkan usaha-usaha pemangkin penyatupaduan Keluarga Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara dalam satu kenyataan berkata, selain itu ia merupakan pelan tindakan dan perancangan program-program perpaduan yang dilaksanakan di peringkat pusat dan negeri sehingga ke akar umbi bagi mencapai agenda perpaduan nasional.

Katanya, MExUnity juga merupakan Majlis Mesyuarat antara Menteri Perpaduan Negara bersama Menteri Perpaduan Negeri Sarawak, Menteri

Perpaduan Negeri Sabah dan Exco-Exco Perpaduan Negeri.

"Datuk Halimah Mohamed Sadique (Menteri Perpaduan Negara) telah mempengerusikan MExUnity Tahun 2022 pada Sabtu.

"Pada hari yang sama, Menteri Perpaduan Negara telah turun ke KRT Kampung Kuala Sibuti di daerah Subis untuk melancarkan Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga RT 4 All yang meliputi empat gerak kerja utama," kata kementerian pada Ahad.

"Program ini menjadi tapak integrasi untuk menyemarakkan dan memperbaikkan detik-detik perpaduan dalam kalangan Keluarga Malaysia yang meraikan kepelbagaian agama, budaya dan bangsa," ujarnya.



Halimah (kanan) ketika hadir dalam sebuah program perpaduan di Sarawak.